

27 AUG 2002

ABDULLAH BERPEGANG PADA JANJINYA, KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berpegang kepada kata-katanya untuk menamakan timbalan beliau sebelum mengambil alih jawatan perdana menteri tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Abdullah pernah berjanji akan mengumumkan timbalannya selepas dua pilihan raya kecil di Kedah bulan lepas.

Hari ini masih selepas pilihan raya kecil itu dan sekalipun selepas setahun atau lebih, ia masih selepas pilihan raya kecil berkenaan.

"Sebenarnya beliau tidak berkata bila atau selepas berapa hari atau bulan dan dia tidak memungkiri janjinya," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas berucap pada majlis jamuan tengah hari sempena ulang tahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian dalam jawapannya kepada soalan seorang wartawan Jepun yang bertanyakan perkara yang sama kepada Abdullah sebelum itu.

Abdullah enggan mengulas pertanyaan wartawan berkenaan kerana menurut beliau sidang akhbar itu diadakan untuk menghormati Perdana Menteri.

Selain Abdullah, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon turut hadir pada sidang akhbar berkenaan.

-- BERNAMA

ZU SA SP RON